

media PERMATA

AKHBAR KITA, BAHASA KITA



Dewan Sejahtera

KADAR BARU & PAKEJ YANG DITAWARKAN

Untuk keterangan lebih lanjut sila hubungi:

Waktu pejabat: Tel. 245 1495 (Heny / Maricel) 242 6205 (Sarah)

Selepas waktu pejabat: Hp. 712 5029 (Heny) 862 0260 (Sarah)

Tempat yang ideal untuk mengadakan majlis perkahwinan dan sebagainya.

Pengurusan Katering / Pelaminan / Hiasan dan sebagainya adalah dari pihak penyewa sendiri

1st Floor, Sumbangsih Bahagia, Lot 77-B, Komplek Perindustrian Beribi II, Jln Gdg BSB

Jilid: MP20/093 | Selasa, 17 Oktober 2017 / 26 Muharram 1439H | B\$0.80 / RM2.80 | Harian Unggul Brunei Darussalam | www.mediapermata.com.bn

PERMATA KATA

Anda tidak akan pernah bahagia jika terus mencari kebahagiaan itu seperti apa. Anda juga tidak akan pernah hidup jika masih mencari makna kehidupan.
- Albert Camus

NASIONAL



Sumber asli perlu pendekatan istimewa

» 3

DUNIA



Tentera Iraq lancar operasi tawan Kirkuk

» 15

IKUTI KAMI DI Instagram @mediapermata



UNISSA DIHARAP TERUS MENYERLAH

Oleh Salawati Haji Yahya & Siti Nur Wasimah S. Gambar oleh Muiz Matdani

BANDAR SERI BEGAWAN, 16 Okt - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) bertitah melahirkan harapan agar UNISSA terus menyerlah selaku mercu tanda kegemilangan Islam di negara ini, sesuai dengan usianya yang semakin matang.

Pada Majlis Haflut Takharruj ke-7 UNISSA yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas hari ini Baginda bertitah, UNISSA perlu terus berkembang sejajar dengan keperluan semasa.


Dalam titah, Baginda turut melahirkan kegembiraan di mana Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat UNISSA yang memulakan operasinya tahun ini akan mampu untuk jadi pemangkin kepada pengayaan ilmu dan pemeraksanaan kemahiran bagi semua lapisan masyarakat tanpa mengira usia.

Di samping itu, titah Baginda, pusat ini juga tentu berupaya untuk memantapkan lagi profesionalisme penjawat awam dengan menawarkan pelbagai kursus kepada mereka.


Dalam perkara ini, titah Baginda lagi, UNISSA perlu menyediakan pelan tindakan bersesuaian dengan keadaan ekonomi yang tidak menentu.

Baginda menyambut baik inisiatif UNISSA dalam meningkatkan kualiti pengajian, penyelidikan dan urus tadbir serta penawaran program dan kursus baru yang bersesuaian.

» 3



Kebawah Duli Yang Maha Mulia ketika berkenan mengurniakan titah kelmarin.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia ketika berkenan mengurniakan sijil kepada salah seorang graduan.

Pizza Hut

WOW DEALS!

SEKARANG SETIAP HARI

pizzahut.com.bn

\$ 5 Personal

\$ 10 Regular

\$ 15 Large



Topping pilihan: Margherita, Hawaiian Classic, Brooklyn Special dan English Classic. UNTUK BAWA BALIK SAHAJA.

DOWNLOAD PIZZA HUT BRUNEI

UNISSA diharap terus menyerlah



Dari Muka 1

"Beta optimis dengan perkembangan ini, ditambah dengan kestabilan sosiopolitik negara, akan menjadikan UNISSA lebih berpotensi menarik lebih ramai pelajar dari dalam dan luar negara, sekali gus menjadikan UNISSA sebagai pusat pengajian Islam di rantau ini," tegasnya.


Titah Baginda lagi, ikhtiar ke arah ini akan membuka peluang lebih luas untuk meningkatkan kebolehpasaran lulusan UNISSA pelbagai bidang ilmu dan kema-

Kebawah Duli Yang Maha Mulia berserta Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah, Pro-Cancellor Unissa ketika berkenan berangkat ke Majlis Hafut Takharruj ke-7 UNISSA, kelmarin.

hiran, menjadikan mereka serba boleh serta mampu berkhidmat dalam pelbagai sektor termasuk menjadi usahawan yang berjaya.

"Faktor ini yang menjadikan UNISSA semakin dikenali di peringkat global serta menjadi idaman ramai pelajar serantau dan antarabangsa untuk menjadikannya tempat pengajian mereka," titah Baginda.

Dalam titah, Baginda turut menjelaskan peningkatan kemasukan dan permohonan pelajar antarabangsa ke UNISSA adalah petanda bahawa ia mempunyai keistimewaan tersendiri di mata luar. Baginda seterusnya mendukung usaha menarik lebih ramai pelajar antarabangsa bagi melanjutkan pengajian mereka di UNISSA sebagai salah satu sumbangan kerajaan kepada pembangunan ummah sejagat.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia ketika berkenan dijunjung bergambar ramai bersama graduan UNISSA.

Sumber asli perlu pendekatan istimewa

Oleh Sim Y. H.

BANDAR SERI BEGAWAN, 16 Okt - Negara Brunei Darussalam mempunyai kekayaan sumber asli sebagai sumber dan warisan negara yang memerlukan pendekatan istimewa bagi penyelidikan, pemahaman, pendokumentasian, pemuliharaan dan pengurusan berterusan.

Oleh itu, Brunei boleh menyumbang ke arah merealisasikan visi serta misi Mesyuarat Lembaga Pentadbiran Persatuan Menteri-menteri Pendidikan Asia Tenggara, Pusat Serantau Asia Tenggara bagi Biologi Tropika (SEAMEO BIOTROP) yang memainkan peranan penting dalam menyediakan ilmu pengetahuan saintifik dan pembangunan kapasiti dalam pemuliharaan serta pengurusan biologi tropika mapan bagi kesejahteraan komuniti dan alam sekitar di Asia Tenggara.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Suyoi bin Haji Osman berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Mesyuarat Lembaga Pentadbiran SEAMEO BIOTROP ke-55 di Hotel Centrepoint, Gadong, hari ini.

"Institusi pengajian tinggi di Brunei mempunyai keupayaan dalam ilmu pengetahuan dan amalan terbaik dalam biologi tropika terutama Universiti Brunei Darussalam (UBD), di mana ia telah mengenal pasti penyelidikan biodiversiti sebagai salah satu daripada tumpuan penyelidikan dengan matlamat untuk menyumbang kepada penggunaan dan pemuliharaan ekosistem serta biodiversiti tropika mapan," kata Yang Berhormat Pehin.

Beliau menerangkan lanjut bahawa di bawah Institut Penyelidikan Alam Sekitar dan Biodiversiti (IBER), ia mempunyai pusat penyelidikan bertaraf dunia di Kuala Belalong, di mana pelbagai penyelidikan dan inovasi terkini serta kerjasama dengan

saintis antarabangsa terkenal dan institut-institut pengajian tinggi sedang dijalankan.

"Selain penyelidikan, pusat SEAMEO BIOTROP juga menyediakan peluang bagi latihan dan program pendidikan alam sekitar bagi pelajar-pelajar sekolah menengah serta graduan antarabangsa."

Dalam hubungan itu, Menteri Pendidikan juga mengalu-alukan para penyelidik dari SEAMEO BIOTROP dan mereka yang memohon bagi geran penyelidikan untuk melaksanakan projek kerjasama dalam biologi tropika bersama penyelidik-penyelidik daripada UBD.

Beliau yakin menerusi kerjasama inovatif itu, ia akan membolehkan kedua-dua pihak untuk menangani kebimbangan bersama serta mencapai matlamat bersama.

Yang Berhormat Pehin Haji Suyoi dalam ucapannya juga mengambil maklum dan menghargai usaha SEAMEO BIOTROP dalam kerjasamanya bersama Institut Pendidikan Teknikal

Brunei (IBTE) dalam pemindahan teknologi, ilmu pengetahuan dan idea bersama guru-guru tempatan ke arah menyediakan belia negara untuk membangunkan minat dalam bidang pertanian serta menghasilkan lebih banyak inovasi dalam sektor pertanian di masa akan datang.

Beliau berharap SEAMEO BIOTROP akan melihat ke arah menyediakan program latihan bagi belia-belia negara dalam bidang teknologi dalam pertanian seperti kultur tisu, hidroponik, akuaponik dan Sistem Maklumat Global (GIS)/Remote Sensing bagi pemantauan dan pengurusan pertanian.

Yang Berhormat Pehin Haji Suyoi percaya program pembangunan kapasiti itu mampu untuk menarik minat lebih ramai belia-belia negara untuk terlibat dalam bidang pertanian dan pembangunan perusahaan agro yang akan membawa kepada kepelbagaian ekonomi.

Dalam ucapannya lagi, Menteri Pendidikan turut mengambil maklum mengenai pengenalan



Yang Berhormat Pehin Haji Suyoi memukul gong bagi merasmikan Mesyuarat Lembaga Pentadbiran SEAMEO BIOTROP ke-55.

dua program berasaskan sekolah oleh SEAMEO BIOTROP bagi negara-negara anggota SEAMEO iaitu *School Garden for Improving Student's Literacy, Nutrition and Entrepreneurship Programme* dan *Urban Agriculture Training Programme for Vocational and Special Education Schools*.

Beliau amat berminat untuk mengetahui mengenai hasil daripada program-program berkenaan serta untuk mempelajari mengenai jenis kesan yang dibawa oleh program berkenaan kepada sekolah, guru dan pelajarnya.

"Jika ia memberikan impak

positif yang signifikan terutamanya kepada pelajar, saya mencadangkan supaya program-program berkenaan boleh ditiru oleh institusi pendidikan serantau bagi mempromosikan pendidikan berkualiti, kehidupan sihat dan alam sekitar yang sihat di Asia Tenggara," kata beliau.

Mesyuarat yang dihadiri oleh ahli-ahli lembaga pentadbir bersama wakil negara anggota SEAMEO itu merupakan mesyuarat tahunan bagi membincangkan dan memberikan panduan kepada operasi serta pelaksanaan mandat dan kegiatan bagi pusat-pusat serantau SEAMEO.



Menteri Pendidikan ketika menghadiri mesyuarat berkenaan di Hotel Centrepoint, Gadong.